

## SIARAN MEDIA

### AKSESIBILITI KEPADA OKU DIBERI PERHATIAN

**SERDANG, 3 DISEMBER** - Komitmen kerajaan dalam memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini dapat menjalani kehidupan dengan selesa adalah dengan menyediakan persekitaran yang bebas halangan dan kemudahan yang mesra OKU.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, tahap aksesibiliti dalam pelbagai aspek keperluan yang disediakan kepada OKU semakin baik. Pihak pemaju dan penyedia perkhidmatan kini semakin peka dengan keperluan OKU dalam setiap pembangunan yang dijalankan.

"Aksesibiliti kepada OKU bukan sahaja dari aspek persekitaran dan kemudahan, malah melibatkan pengangkutan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, perbankan dan sebagainya", katanya.

Rohani berkata melalui jawatankuasa yang dibentuk di dalam Majlis Kebangsaan Bagi OKU, Kementeriannya akan sentiasa memantau pelaksanaan penambahbaikan terhadap keperluan semasa OKU supaya dapat menghapuskan halangan terhadap golongan tersebut.

"Saya berharap agar semua pihak berwajib memperbaiki serta meningkatkan tahap aksesibiliti kepada OKU khususnya kepada bangunan, kemudahan awam dan persekitaran agar semua pihak dapat menikmati pembangunan negara secara inklusif", katanya ketika merasmikan Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan di UPM, Serdang, di sini, hari ini..

Di majlis ini juga, satu memorandum persefahaman telah ditandatangani antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi pelaksanaan Projek Sistem Al-Quran Braille Elektronik kepada OKU masalah penglihatan mempelajari Al-Quran.

Sambutan pada tahun ini bertemakan '*Hapuskan Halangan, Berikan Peluang: Ke Arah Kesaksamaan Dalam Masyarakat*'.

Beliau turut menyampaikan anugerah kepada 8 orang pelajar cemerlang OKU kategori akademik, 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam kategori Penghargaan Kemudahan Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina serta 3 syarikat bagi kategori Penghargaan Majikan Prihatin.

olongan ini terbukti dengan pemberian peruntukan  
t 2014 bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan  
ngga kini, seramai 464, 967 OKU telah berdaftar

Turut hadir di majlis adalah Dato' Sri Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha KPWKM, Dato' Norani Haji Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan, Naib Cencelor UPM serta 2,000 OKU dari seluruh negara.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18, No. 55  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya  
No.Telefon : 019-2333110 (Helya) / 019-2164031 (Ain)  
Tarikh dikeluarkan : 3 Disember 2013